

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang berkaitan Polisi Khusus ("SP") sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Anda dikehendaki supaya meminta penjelasan dari Pengurus Perhubungan EXIM Bank (Bank) yang ditugaskan kepada anda berkenaan sebarang terma dan syarat yang mengatur produk tersebut. Sila pastikan bahawa anda telah memahami sepenuhnya tentang produk dan terma dan syarat bersesuaian dengan keperluan pinjaman dan/atau perniagaan anda.)



## Polisi Khusus

### 1. Apakah produk ini?

Polisi Khusus ("SP") ialah insurans kredit yang di reka untuk melindungi peserta terhadap risiko kemungkiran pembayaran oleh Pemberi kontrak luar negara/ domestik. Peserta adalah pengeksport Malaysia yang memeterai perjanjian untuk eksport/kontrak domestik.

### 3. Apakah yang akan saya dapat dari produk ini ?

### 4. Berapakah yang perlu saya bayar untuk premium Insurance?

Premium anda bergantung kepada kriteria berikut;

- Terma bayaran
- Penggredan pasaran
- Pengalaman, perdagangan dan tuntutan
- Pusingan keseluruhan atau Polisi terpilih

Sila hubungi Pengurus Perhubungan untuk maklumat lanjut.

### 5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Jenis Fi dan Caj	Kuantum
1.	Fi Pemprosesan	RM1,000 setiap permohonan Fi diatas tidak terpakai kepada pelanggan PKS
2.	Caj SWIFT	RM70
3.	Duti Stem	RM10 di Malaysia dan/atau keperluan penyetakan di negara lain
4.	Pos / Caj Penghantaran	
	<u>Pihak Tempatan</u>	
	• Mel Biasa	Min.RM3
	• Mel Berdaftar	Min.RM6
	• Perkhidmatan kiriman cepat/Serahan tangan	Min.RM7
	<u>Pihak Asing</u>	
	• Mel Biasa	Min.RM4
	• Mel Berdaftar	Min.RM8
	• Perkhidmatan kiriman cepat	Min.RM50 – berbeza mengikut lokasi

Sila minta daripada Pengurus Perhubungan anda untuk piawaian caj Bank ke atas Produk dan Perkhidmatan Konvensional. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada yuran dan caj yang akan dikenakan kepada kemudahan anda, Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.

### 6. Apakah akan berlaku sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Polisi Insurans anda tidak boleh dikuatkuasakan. Oleh itu, transaksi perniagaan anda tidak akan dilindungi.

### 7. Bolehkah saya batalkan Polisi Insurans?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila – bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

#### 8. Apakah yang akan terjadi kepada premium saya apabila polisi dibatalkan?

Anda berhak mendapatkan pulangan keatas premium yang telah di bayar berdasarkan tempoh Insurans yang belum luput tertakluk kepada terma dan syarat pada polisi.

#### 9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

- a) Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.
- b) Untuk mengemaskinikan butir-butir hubungan anda, anda boleh memaklumkan kami melalui pelbagai saluran komunikasi seperti di laman sesawang atau di pusat panggilan pelanggan kami di 03-2601 2000.

#### 10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:

Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat  
Export-Import Bank of Malaysia Berhad  
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603-26012000  
Faks: +603-26012469  
Laman Sesawang: [www.exim.com.my](http://www.exim.com.my)

Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Faks: +603-2174 1515  
Emel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

#### 11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Maklumat tambahan mengenai Polisi Khusus boleh didapati di pejabat atau laman sesawang korporat kami: [www.exim.com.my](http://www.exim.com.my).

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD  
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603-26012000  
Faks: +603-26012469

#### 12. Apakah jenis produk takaful kredit lain yang ditawarkan?

- Insurans Kredit Perdagangan
- Insurans Kredit Perdagangan Perbankan
- Insurans Pelaburan Luar Negara
- Polisi Surat Kredit Bank

**NOTA PENTING: ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGURUS PERHUBUNGAN UNTUK MAKLUMAT LANJUT. KAMI TIDAK AKAN MENANGGUNG SEBARANG LIABILITI SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN PREMIUM YANG DIKENAKAN OLEH KAMI ATAS PERLINDUNGAN YANG BERKAITAN.**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 30 Julai 2021.